

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)51

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

51. Kenyataan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mengenai MBSP akan menaikkan kadar cukai taksiran sehingga lima peratus mengikut kategori bangunan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025.
- (a) Berapakah unjuran pendapatan Kerajaan Negeri melalui kenaikan cukai pintu dan cukai tanah pada tahun 2025?
 - (b) Sejauh manakah kenaikan ini mampu mengurangkan defisit perbelanjaan Kerajaan Negeri?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

51. (a) Secara keseluruhannya, bagi tahun 2025, unjuran pendapatan cukai pintu Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah sebanyak RM258.29 juta. Hasil ini turut merangkumi tambahan pendapatan melalui kenaikan cukai pintu sebanyak RM10.76 juta.

Bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pula, unjuran pendapatan cukai pintu adalah sebanyak RM267.40 juta. Hasil ini turut merangkumi tambahan pendapatan melalui kenaikan cukai pintu sebanyak RM5.50 juta.

Walau bagaimanapun, unjuran pendapatan cukai pintu tersebut masih tertakluk kepada sebarang pindaan terhadap Nilai Tahunan dan Amaun Cukai selepas pendengaran bantahan yang akan dipaparkan di Bil Cukai Taksiran Penggal Kedua Tahun 2025 setelah mengambil kira keputusan Jawatankuasa Bantahan Cukai Taksiran.

Kadar Cukai Tanah pada tahun 2025 masih menggunakan kadar yang lama dan tiada peningkatan. Buat masa ini, pihak PTGPP bersama-sama semua Pejabat Daerah dan Tanah masih di peringkat membuat semakan dan cadangan kadar baharu cukai tanah untuk dibentangkan kepada Kerajaan Negeri dan selanjutnya diwartakan setelah diluluskan. Anggaran hasil bagi tahun 2025 untuk cukai tanah semasa/berulang dan Cukai Tanah Tahun Pertama adalah seperti berikut:

BIL	JENIS CUKAI	ANGGARAN HASIL TAHUN 2025 (RM)
1.	Cukai Tanah Semasa / Berulang	124,926,385.00
2.	Cukai Tanah Tahun Pertama	4,767,815.00

- (b) Kenaikan keseluruhan cukai pintu bagi kedua-dua PBT adalah merupakan kenaikan kecil yang memberikan imbalan balik kepada kenaikan kos pengurusan dan operasi PBT.